

20/02/1999

PM mahu pelajar kuasai ilmu

Muhd Yusuf Abu Bakar

KOTA KINABALU, Jumaat - Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad mahukan pelajar di institusi pengajian tinggi tempatan menguasai ilmu dan mempunyai nilai budaya positif bagi memastikan negara berada di landasan betul untuk menjadi negara maju.

Katanya, pelaburan kerajaan dalam bidang pembangunan pendidikan akan menjadi sia-sia jika pelajar tidak memberi tumpuan kepada dua faktor berkenaan.

"Percayalah kita tidak akan dapat menjadi negara maju seperti diharapkan jika tidak bersungguh-sungguh menguasai ilmu pengetahuan dan mencari nilai budaya yang baik untuk masa depan negara.

"Kalau otak geliga, tetapi kita memiliki sistem nilai yang tidak sesuai, negara juga tidak akan maju," katanya.

Beliau berkata demikian pada majlis pertemuan Perdana Menteri dengan kakitangan akademik dan pelajar Universiti Malaysia Sabah (UMS) di Kampus Tetap Teluk Sepanggar, Likas di sini hari ini.

Turut hadir Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali; Ketua Menteri, Tan Sri Bernard Dompok; Menteri Pendidikan, Datuk Seri Najib Tun Abdul Razak dan Naib Canselor UMS, Datuk Prof Dr Abu Hassan Othman.

Kunjungan pertama Dr Mahathir di kampus tetap UMS sejak dibina empat tahun lalu mendapat sambutan hangat warga UMS kerana pembinaan institusi berkenaan adalah hasil janji Perdana Menteri di Beaufort, Sabah pada 1994.

Dr Mahathir berkata, pelajar perlu memanfaatkan bantuan dan peruntukan kerajaan sepenuhnya dengan belajar bersungguh-sungguh kerana ilmu pengetahuan penting untuk memajukan negara.

"Kerajaan memberi peruntukan yang besar bagi pembangunan pendidikan kerana sedar ia memberi pulangan yang menguntungkan pada masa depan.

"Kita belanja besar kerana kita mahu menyediakan cerdik pandai untuk persediaan sebagai negara maju, sedangkan sesetengah negara memberi peruntukan yang besar untuk menguatkan ketenteraan bukan pendidikan," katanya.

Beliau berkata Malaysia perlu menjadi negara maju kerana melaluinya negara dihormati bangsa lain.

"Kita mahu menjadi satu bangsa yang dihormati orang lain... kita tidak mahu dihina, sebab itu kita memperjuangkan kemerdekaan supaya kita tidak dipandang hina," katanya.

Menurutnya, kedudukan yang dinikmati sekarang bukan datang secara sendiri tetapi melalui usaha gigih selama ini.

"Kita berjaya menepis tohmahan mengenai sikap malas orang Melayu dengan berusaha gigih.

"Kita buktikan kepada dunia, kita mempunyai kebolehan yang tidak kurang daripada bangsa lain... dari segi mental dan keupayaan untuk maju setanding dengan bangsa lain," katanya.

(END)